

## Transformasi Ruang Tinggal: Ke Arah Lanskap Infrastruktur Hijau di Lembah Klang

Mohamed Ikhwan Nasir Bin Mohamed Anuar (P86590)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: ikhwannasiranuar@gmail.com

**Pernyataan Masalah:** Salah satu cabaran proses urbanisasi adalah mengurangkan kesan kewujudan ruang tinggal hasil daripada pertumbuhan pesat infrastruktur berprestasi tinggi seperti lebuh raya bertingkat. Adalah tidak dinafikan kewujudan lebuh raya bertingkat adalah penting dalam menambah baik kemudahan di dalam kawasan bandar, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan juga menangani masalah kesesakan lalu lintas; namun secara selarinya kewujudan struktur-struktur berskala mega ini telah juga menjejaskan fabrik bandar sedia ada dan ciri-ciri kesinambungan ruang terutamanya pada skala manusia. Pembinaan lebuh raya bertingkat yang merentasi kawasan kejiranan bandar di sesetengah kawasan juga telah secara langsung mengakibatkan wujudnya ruang tinggal yang tidak jelas fungsinya jika dibandingkan dengan struktur mega yang mempunyai fungsi, tujuan dan matlamat yang jelas. Kajian kepustakaan telah mendedahkan bahawa kewujudan ruang tinggal ini memberi impak kepada imej serta kesinambungan ruang bandar dan juga mengundang wujudnya aktiviti sosial tidak sihat. Impak pembinaan infrastruktur terhadap komuniti setempat juga disebut sebagai salah satu isu bandar di dalam Pelan Induk Kuala Lumpur 2020. Ruang tinggal ini sering diabaikan dari proses perancangan formal, namun entiti bandar ni mempunyai nilai intrinsik yang tersendiri di mana perkara ini boleh dilihat dari adaptasi komuniti setempat yang menggunakan ruang tinggal tersebut. **Objektif:** Kajian ini bermatlamat membentuk satu anjakan paradigma dalam menilai ruang tinggal ini; sebuah transformasi daripada ruang yang pada normanya diabaikan dalam proses pembangunan dan perancangan formal kepada ruang yang mempunyai fungsi dan menyumbang secara lestari serta diperkenalkan semula dalam sistem dan proses harian sesebuah bandar. Kajian ini merangkumi inventori ruang tinggal, menyiasat ciri-ciri dan kepenggunaan fizikal sedia ada ruang tinggal, mengenalpasti jenis peluang yang wujud hasil dari terbentuknya ruang ini serta menganalisa perihal governan ruang tinggal. **Metodologi:** Kajian ini akan dijalankan melalui kerjalapangan yang melibatkan pemerhatian berstruktur di beberapa tapak di Lembah Klang, dokumentasi grafik dan gambar, temubual kualitatif dan perbincangan berkumpulan bersama-sama dengan pakar bidang serta pihak-pihak berkepentingan. **Kesimpulan:** Hasil, kesimpulan dan teras kajian ini akan menyokong hasrat Pelan Induk Greater Kuala Lumpur/Klang Valley dalam mencapai pertumbuhan pesat selari dengan meningkatkan dayahuni di bandar. Kajian ini juga akan membantu dalam mengenalpasti jenis, ciri-ciri dan peluang bagi merekabentuk dan merancang ruang tinggal di Lembah Klang khususnya yang melibatkan lebuh raya bertingkat serta membantu pihak berwajib dalam menguruskan ruang ini.